

Pemerdagangan Haran Iwn. Penyeludupan

Pemerdagangan Manusia didefinisikan sebagai:

- **Pemerdagangan haram seks** di mana aktiviti seks komersil yang berlaku akibat paksaan, penipuan, atau di mana orang yang terpaksa melakukan aktiviti tersebut belum mencapai umur 18 tahun; *atau*
- **Pengambilan, perlindungan, pengangkutan, peruntukan, atau mengambil seseorang sebagai buruh atau perkhidmatan melalui paksaan, penipuan, bertujuan untuk menundukkan di luar kemahuan, pekerjaan sewa, ikatan tebus hutang, atau perhambaan**

Penyeludupan Manusia didefinisikan sebagai pengimportan manusia ke Amerika Syarikat dengan mengelak undang-undang imigresen. Kesalahan ini termasuklah membawa masuk bukan warganegara ke Amerika Syarikat dan juga mengangkut dan menyembunyikan pendatang tanpa izin yang sudah berada di Amerika Syarikat yang menyalahi undang-undang.

Terma-terma ini tidak boleh ditukar ganti

- **Penyeludupan** adalah berdasarkan pengangkutan
- **Pemerdagangan haram** adalah berdasarkan eksploitasi



Untuk Aktiviti yang Mencurigakan:
1-866-DHS-2-ICE (1-866-347-2423)
www.dhs.gov/bluecampaign

Penunjuk-Penunjuk Pemerdagangan Haram

- Adakah mangsa mempunyai dokumen perjalanan atau kad pengenalan; jika tidak, siapa yang mengawal dokumen tersebut?
- Adakah mangsa diajar tentang apa yang patut dikatakan kepada penguatkuasa undang-undang dan pegawai imigresen?
- Adakah gaji mangsa dikikis untuk membayar yuran penyeludupan? (Membayar yuran penyeludupan sahaja tidak dikira sebagai pemerdagangan haram.)
- Adakah mangsa dipaksa untuk melakukan aktiviti seksual?
- Adakah mangsa bebas bergerak ke mana-mana?
- Adakah mangsa atau keluarganya diugut bahaya jika mangsa cuba untuk melarikan diri?
- Adakah mangsa telah diugut akan dihantar pulang atau tindakan penguatkuasaan undang-undang?
- Adakah mangsa telah dcederakan atau tidak diberi makanan, air, tidur, penjagaan perubatan, atau lain-lain keperluan asas?
- Bolehkah mangsa mengubungi rakan atau keluarga dengan bebas?
- Adakah mangsa seseorang bawah umur yang terlibat dalam seks komersil?
- Adakah mangsa dibenarkan untuk bersosial atau menghadiri perkhidmatan keagamaan?

Untuk Aktiviti yang Mencurigakan: **1-866-DHS-2-ICE** (1-866-347-2423)

www.dhs.gov/bluecampaign

BC-IC1-MAY 07/14